

Bil. S 23

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LESEN MEMANDU), 2013**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN MEMANDU

3. Lesen memandu.
4. Pemohon yang berumur 70 tahun ke atas.
5. Hilang upaya.

BAHAGIAN III

UJIAN MEMANDU

6. Jenis ujian memandu.
7. Penetapan masa dan tempat ujian.
8. Ujian memandu untuk memandu kenderaan Kelas 4, 5, 6, 6A, 11 atau 12.
9. Pengecualian bagi pemohon yang memegang lesen memandu lain yang diiktiraf.

BAHAGIAN IV

LESEN MEMANDU

10. Butir-butir hendaklah dimasukkan dalam lesen memandu.
11. Kesahan lesen memandu.
12. Pembaharuan lesen memandu.
13. Pembaharuan selepas luputnya masa.
14. Daftar lesen memandu.

BAHAGIAN V

LESEN MEMANDU SEMENTARA

15. Pengeluaran lesen memandu sementara.
16. Syarat-syarat lesen memandu sementara.

BAHAGIAN VI

AM

17. Penghantaran perintah mahkamah kepada pegawai melesen.
18. Bayaran.
19. Menunjukkan lesen memandu.
20. Penggantian lesen memandu yang telah hilang atau rosak.
21. Pemberitahuan mengenai perubahan nama atau alamat.
22. Hukuman.
23. Pindaan Peraturan 1 dari Penggal 68.
24. Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.

JADUAL PERTAMA — BAYARAN

JADUAL KEDUA — PLAT “L”

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LESEN MEMANDU), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya [Lesen Memandu], 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Peraturan-Peraturan ini dibuat.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“kenderaan bersendi” bermakna sesebuah kenderaan bermotor yang menarik kenderaan lain dengan cara sebahagian dari kenderaan lain itu tertindih di atas kenderaan bermotor yang mula-mula disebutkan dan jika kenderaan lain itu berisi muatan sama rata, tidak kurang dari 20 peratus daripada berat muatannya ditanggung oleh kenderaan bermotor yang mula-mula disebutkan itu;

“lesen memandu” bermakna suatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah peraturan 3 dan termasuk suatu lesen memandu sementara;

“ujian memandu” bermakna ujian memandu yang disebut dalam peraturan-peraturan 6 dan 8;

“pengamal perubatan” bermakna seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Pengal 112);

“lesen memandu sementara” bermakna suatu lesen memandu sementara yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan 15 dan 16.

BAHAGIAN II**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN MEMANDU****Lesen memandu.**

3. Mana-mana orang yang ingin mendapatkan atau memperbaharui suatu lesen memandu hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah dalam borang dan mengikut cara dan hendaklah memberikan butir-butir dan mengemukakan dokumen-dokumen sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

Pemohon yang berumur 70 tahun ke atas.

4. (1) Pengarah boleh menghendaki seseorang pemohon suatu lesen memandu yang telah mencapai umur 70 tahun ke atas menjalani pemeriksaan perubatan yang menyatakan bahawa dia layak memandu oleh seorang pengamal perubatan berdaftar yang dipilihnya sendiri, atau oleh pengamal perubatan berdaftar sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah, atas kosnya sendiri.

(2) Jika pemohon itu tidak diperakui sihat dari segi fizikal dan mental oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, Pengarah tidak akan memperbaharui lesen memandunya bagi mana-mana kelas kenderaan yang dia dibenarkan untuk memandunya.

Hilang upaya.

5. (1) Seseorang pemohon suatu lesen memandu tidaklah berhak untuk menuntut supaya dikenakan ujian tentang kelayakan atau kebolehannya untuk memandu sesebuah kenderaan bermotor di bawah peraturan-peraturan 18 dan 19 jika —

(a) dia menderita sakit otak;

(b) dia menghidap epilepsi;

(c) dia mudah pening atau pengsan dengan tiba-tiba;

(d) dia tidak dapat membaca pada jarak 23 meter (dengan alat pandang, jika berkenaan) satu siri 6 huruf dan angka dalam warna putih pada latarbelakang reflektif hitam dalam saiz dan susunan sama seperti yang ditetapkan bagi tanda pengenalan sesebuah kenderaan bermotor; atau

(e) dia tidak dapat membezakan warna-warna merah, kuning dan hijau dari jarak 23 meter.

(2) Dalam peraturan kecil (1)(a), “sakit otak” termasuk ketololan dan sebarang sakit otak yang kerananya suatu perintah telah dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan sakit otak bagi

penahanannya atau penyerahannya kepada pemeliharaan dan penjagaan seorang saudara atau sahabat atau, jika dia seorang pesakit di sebuah hospital kesihatan jiwa, bagi ketiadaannya di hospital itu buat sementara waktu.

BAHAGIAN III

UJIAN MEMANDU

Jenis ujian memandu.

6. Seseorang pemohon suatu lesen memandu hendaklah dianggap telah lulus ujian memandu dan hendaklah dikeluarkan dengan suatu lesen memandu, setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibayar, jika dia memuaskan hati pemeriksa bahawa —

(a) dia dapat membaca pada jarak 23 meter (dengan alat pandang, jika dipakai) plat nombor kenderaan bermotor yang mengandungi huruf-huruf dan angka-angka;

(b) dia dapat membezakan warna-warna merah, kuning dan hijau dari jarak 23 meter; dan

(c) dia telah lulus suatu ujian memandu yang dijalankan menurut arahan bertulis sebagaimana yang mungkin dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah.

Penetapan masa dan tempat ujian.

7. Mana-mana orang yang ingin mengambil ujian memandu hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah yang akan, setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibayar, mengaturkan masa dan tempat ujian itu hendak dijalankan.

Ujian memandu untuk memandu kenderaan Kelas 4, 5, 6, 6A, 11 atau 12.

8. Mana-mana orang yang ingin mengemukakan dirinya bagi ujian memandu untuk memandu sesebuah kenderaan Kelas 4, 5, 6, 6A, 11 atau 12 hendaklah memuaskan hati Pengarah bahawa dia telah pun memperolehi suatu lesen memandu untuk memandu sesebuah kenderaan Kelas 3.

Pengecualian bagi pemohon yang memegang lesen memandu lain yang diiktiraf.

9. (1) Seseorang pemohon suatu lesen memandu boleh dikecualikan dari menjalani ujian memandu jika —

(a) dia dilesenkan atau dibenarkan untuk memandu kelas kenderaan bermotor yang dipohonkannya suatu lesen memandu oleh pihak berkuasa yang layak di sebuah negara atau wilayah selain dari Negara Brunei Darussalam; dan

(b) dia mengetahui dan memahami peruntukan-peruntukan Kod Lebu Raya di bawah bab 95:

Dengan syarat bahawa dalam hal seseorang yang bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam, dia mestilah seterusnya memuaskan hati Pengarah bahawa dia tidak berniat untuk tinggal tetap di Negara Brunei Darussalam.

(2) Pengarah boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu lesen memandu, untuk memandu kelas kenderaan bermotor yang dipohonkannya suatu lesen memandu setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibayar.

BAHAGIAN IV

LESEN MEMANDU

Butir-butir hendaklah dimasukkan dalam lesen memandu.

10. (1) Suatu lesen memandu hendaklah dalam borang dan hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

(2) Suatu lesen memandu boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(3) Suatu lesen memandu boleh membenarkan pemegangnya untuk memandu mana-mana satu atau lebih kelas kenderaan bermotor yang dinyatakan dalam lesen memandu itu.

(4) Pemegang suatu lesen memandu tidak boleh membuat apa-apa tanda atau catatan di atas, atau memadam, membatalkan atau mengubah apa-apa tanda atau catatan yang terkandung dalam lesen memandunya.

Kesahan lesen memandu.

11. Suatu lesen memandu adalah sah dari tarikh ia dikeluarkan, melainkan jika digantung, dibatalkan atau dimansuhkan lebih awal, bagi tempoh selama satu tahun, 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun atau tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah:

Dengan syarat bahawa —

(a) suatu lesen memandu sementara adalah sah bagi tempoh tidak lebih dari 3 bulan daripada tarikh ia dikeluarkan;

(b) suatu lesen memandu baru pemandu adalah sah hanya bagi tempoh satu tahun sahaja;

(c) suatu lesen memandu yang dikeluarkan kepada pemohon yang telah mencapai umur 70 tahun ke atas adalah sah hanya bagi tempoh satu tahun sahaja;

(d) suatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah peraturan 9(2) adalah sah hanya bagi tempoh tidak lebih dari satu tahun daripada tarikh ia dikeluarkan;

(e) bagi pemandu asing, kesahan lesen memandunya untuk memandu mana-mana kelas kenderaan berat atau kenderaan perkhidmatan awam adalah sah hanya bagi tempoh tidak lebih dari satu tahun daripada tarikh ia dikeluarkan;

(f) kelas kenderaan berat atau kenderaan perkhidmatan awam tidak boleh ditambah atau diperbaharui melainkan jika pemohon memiliki sijil perubatan yang memuaskan;

(g) selain dari Kelas 2, 4, 5, 6, 6A, 11 atau 12, suatu lesen memandu untuk memandu kelas tambahan kenderaan yang dicatitkan dalam suatu lesen memandu sedia ada adalah sah bagi tempoh yang sama dengan lesen memandu sedia ada;

(h) apabila suatu lesen memandu dibataskan kepada pemanduan kenderaan dari binaan atau rekabentuk tertentu, butir-butir batasan tersebut hendaklah dimasukkan dalam lesen memandu itu.

Pembaharuan lesen memandu.

12. (1) Permohonan untuk memperbaharui boleh dibuat sebelum atau pada tarikh tamatnya tempoh lesen memandu itu, dalam hal tersebut tarikh permulaan kuatkuasa lesen memandu yang baru adalah dianggap bermula dari tarikh sejurus selepas tarikh tamatnya tempoh lesen memandu yang lama.

(2) Jika permohonan untuk memperbaharui dibuat selepas tamatnya tempoh lesen memandu itu, tarikh permulaan kuatkuasa lesen memandu yang baru bermula dari tarikh lesen memandu itu diperbaharui.

(3) Jika seseorang itu gagal memperbaharui lesen memandu itu selepas tempoh 60 hari telah luput sejak tarikh tamatnya tempoh lesen memandu itu, Pengarah boleh mengenakan bayaran terlewat bayar dalam Jadual Pertama sebagai tambahan kepada bayaran yang ditetapkan.

(4) Seseorang yang memohon untuk memperbaharui mestilah menunjukkan kepada pegawai melesen sebarang lesen memandu atau lesen memandu sementara yang telah pun dipegang olehnya.

Pembaharuan selepas luputnya masa.

13. Jika suatu lesen memandu telah luput selepas tempoh 3 tahun atau lebih, Pengarah tidak boleh memperbaharui lesen memandu itu atau memberikan suatu lesen memandu yang baru kepada orang yang memegang lesen memandu tersebut melainkan jika —

(a) dia lulus ujian di bawah peraturan 6; atau

(b) Pengarah berpuas hati bahawa, pada sesuatu masa dalam tempoh 3 tahun sebelum tarikh permohonan, pemohon telah memegang suatu sijil pemandu atau lesen memandu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang layak di mana-mana negara atau wilayah yang membenarkannya untuk memandu kelas atau perihalan kenderaan bermotor yang dia akan dibenarkan untuk memandunya menurut lesen memandu yang dipohon itu.

Daftar lesen memandu.

14. (1) Pengarah hendaklah menyebabkan supaya disimpan suatu daftar yang mengandungi semua butir yang ditentukan olehnya mengenai semua lesen memandu yang dikeluarkan.

(2) Daftar itu hendaklah termasuk butir-butir sebarang perintah mahkamah yang dihantar kepada seseorang pegawai melesen di bawah peraturan 17.

BAHAGIAN V**LESEN MEMANDU SEMENTARA****Pengeluaran lesen memandu sementara.**

15. (1) Suatu lesen memandu sementara untuk belajar memandu sesebuah kenderaan Kelas 3 tidak boleh dikeluarkan kepada seseorang pemohon melainkan jika —

(a) dia dapat membaca pada jarak 23 meter (dengan alat pandang, jika berkenaan) plat nombor kenderaan bermotor yang mengandungi huruf-huruf dan angka-angka; dan

(b) dia dapat membezakan warna-warna merah, kuning dan hijau dari jarak 23 meter.

(2) Seseorang pemohon tidak boleh dikeluarkan dengan suatu lesen memandu sementara untuk memandu sesebuah kenderaan Kelas 4, 5, 6 atau 6A, melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen memandu yang membenarkannya untuk memandu sesebuah kenderaan Kelas 3 selama tidak kurang dari setahun dan telah mencapai umur 21 tahun.

Syarat-syarat lesen memandu sementara.

16. Pemegang suatu lesen memandu sementara hendaklah mematuhi syarat-syarat yang berikut —

(a) dia hendaklah menggunakan lesen memandu sementara itu semasa di bawah pengawasan seorang jurulatih memandu, sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Jurulatih Memandu dan Sekolah Memandu), 1987 [S 3/1988];

(b) jurulatih memandu itu hendaklah berada bersamanya dan, jika susunan tempat duduk kenderaan bermotor membuatnya boleh digunakan, hendaklah duduk di sebelahnya; dan

(c) dia hendaklah, semasa kenderaan bermotor itu sedang dipandu olehnya, mempamerkan dengan jelas di suatu tempat yang mudah dilihat di hadapan dan di belakang kenderaan itu plat yang mengandungi huruf merah "L" dengan latarbelakang putih dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN VI

AM

Penghantaran perintah mahkamah kepada pegawai melesen.

17. Jika setelah mana-mana orang disabitkan atas sebarang kesalahan, mahkamah memerintahkan supaya mana-mana orang dibatalkan kelayakannya dari memohon atau dari memegang suatu lesen memandu, atau supaya butir-butir sabitan tersebut dicatitkan dalam lesen memandu yang dipegang oleh orang itu, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya satu salinan perintah tersebut dihantar kepada pegawai melesen yang berkenaan untuk pendaftaran bagi maksud-maksud peraturan 14.

Bayaran.

18. (1) Bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dibayar berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut dalam bayaran itu.

(2) Bayaran tersebut hendaklah kena dibayar terlebih dahulu dan tidak boleh dikembalikan.

Menunjukkan lesen memandu.

19. Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah boleh dengan notis menghendaki pemegang suatu lesen memandu untuk menunjukkan lesen memandunya bagi pemeriksaan pada suatu masa dan tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

Penggantian lesen memandu yang telah hilang atau rosak.

20. (1) Jika pemegang suatu lesen memandu memuaskan hati Pengarah bahawa lesen memandunya telah hilang atau rosak, Pengarah hendaklah setelah menerima permohonan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibayar, mengeluarkan suatu lesen memandu gantian kepadanya dan lesen memandu gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen memandu asal.

(2) Jika pada bila-bila masa selepas pengeluaran suatu lesen memandu gantian lesen memandu asal dijumpai, orang yang kepadanya lesen memandu asal telah dikeluarkan hendaklah memulangkannya kepada pegawai melesen dengan segera atau, jika lesen memandu itu tidak ada dalam milikannya, hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan pemilikannya dan hendaklah memulangkannya dengan segera kepada pegawai melesen.

Pemberitahuan mengenai perubahan nama atau alamat.

21. Pemegang suatu lesen memandu hendaklah memberitahu pegawai melesen mengenai setiap perubahan –

(a) nama, sama ada melalui perkahwinan atau atas sebarang sebab lain;

(b) alamat; atau

(c) nombor bersiri kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kebangsaan (Penggali 19),

dalam masa satu bulan dari tarikh perubahan tersebut atau, jika pada masa perubahan tersebut dia tidak berada di Negara Brunei Darussalam, dalam masa satu bulan dari kembalinya ke Negara Brunei Darussalam.

Hukuman.

22. Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau yang melanggar sebarang peruntukan atau sebarang kehendak Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$500 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, suatu denda tidak melebihi \$1,000.

Pindaan Peraturan 1 dari Penggal 68.

23. Bahagian IV, Jadual Kelima, Jadual Keenam, Jadual Ketujuh, Jadual Kelapan dan Jadual Kesembilan kepada Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya adalah dimansuhkan.

Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.

24. Sebarang lesen memandu yang dikeluarkan kepada seseorang sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini dan yang terus sah sejurus sebelum tarikh itu hendaklah dianggap sebagai suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi tempoh selebihnya lesen memandu itu dan hendaklah ada sehingga tamat tempohnya, dan boleh diperbaharui, digantung atau dibatalkan atau pun selainnya diuruskan menurut peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

(peraturan-peraturan 6, 7,
9(2), 12(3), 18 dan 20)


BAYARAN

1.	Catitan kelas lain lesen memandu kenderaan	\$10
2.	Pengeluaran atau pembaharuan —	
	(a) lesen memandu sah selama satu tahun atau kurang	\$10
	(b) lesen memandu sah selama 3 tahun	\$30
	(c) lesen memandu sah selama 5 tahun	\$50
	(d) lesen memandu sah selama 10 tahun	\$100
3.	Ujian memandu amali —	\$10
4.	Lesen memandu sementara —	
	(a) pengeluaran	\$5
	(b) pembaharuan	\$10
5.	Lesen memandu Gantian/Duplikat —	
	(a) lesen memandu	\$10
	(b) lesen memandu sementara	\$10
6.	Bayaran terlewat	\$10

JADUAL KEDUA

(peraturan 16(c))

PLAT "L"



[Sudut-sudut latar belakang putih boleh ditemukan]

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 17 haribulan April, 2013.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.